

INTEGRITI PENGURUSAN MASJID

Kipli Haji Yassin
Mufti Negeri Sarawak

Masjid merupakan institusi yang sangat penting dalam Islam. Masjid juga menjadi nadi tamadun ummah, dan paksi aktiviti umat Islam bermula daripada urusan peribadi hinggalah urusan negara. Di masjidlah hati umat Islam disatukan sehingga menjadi golongan yang bersatu padu dan hidup dalam keadaan yang harmoni.

Kedudukan dan peranan masjid yang sangat penting ini semestinya memerlukan masjid diurus dengan cekap dan berkesan. Pengurusannya perlu menjunjung nilai integriti yang tinggi dan murni. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, integriti ialah kejujuran, keadaan sempurna dan utuh, serta keutuhan. Secara mudahnya, integriti itu difahami sebagai melakukan sesuatu dengan penuh amanah dan jujur. Pemimpin dan pengurus masjid hendaklah mengurus setiap aspek pengurusan itu dengan penuh jujur dan amanah. Pengurusan yang dimaksudkan di sini bukan hanya pengurusan dari sudut kewangan, malah merangkumi kepimpinan, pengurusan aset, penyelenggaraan, kebersihan, pengimarahannya dan komunikasi.

Dari segi sejarah, telah terbukti pada zaman Rasulullah SAW, masjid Quba dan Masjid Nabawi telah memainkan peranan sebagai nadi umat Islam. Masjidlah pusat pentadbiran, syura, ketenteraan, ekonomi dan sosiobudaya masyarakat. Rasulullah SAW telah membuktikan masjid diurus dengan amanah dan berkesan sehingga dapat berfungsi dengan cemerlang. Sejarah ini bukan hanya untuk dibaca dan diketahui, tetapi perlu dijadikan panduan untuk umat Islam kini dalam hal pengurusan masjid yang berintegriti.

Apakah realiti pengurusan masjid masa ini? Umumnya masjid memang diurus dengan baik, namun belum menyeluruh, malah masih ada kepincangan dari segi pengurusan, pengimarahannya dan fungsinya. Seseengah masjid masih sepi dengan pengunjungannya. Ada masjid yang dibuka pada waktu solat sahaja dan tiada apa-apa aktiviti pada waktu lain. Aktiviti yang ada memfokuskan golongan yang berumur, dan tiada program inovasi yang dapat menarik minat golongan muda. Ironinya masjid perlu menyajikan program yang lebih segar dan memenuhi keperluan golongan muda supaya masjid tidak dianggap hanya untuk orang-orang tua.

Pengimarahannya masjid boleh dijadikan penanda aras penting untuk menggambarkan pengurusan yang berintegriti dan cemerlang. Mempelbagaikan jenis, kaedah dan media untuk mengimarahkannya masjid perlu diusahakan secara serius. Kesan program perlu diambil perhatian

supaya setiap program pengimarahannya akan memberikan kesan secara maksimum kepada ummah.

Selain pengimarahannya, pengurusan kewangan masjid juga sangat penting. Hal kewangan perlu diurus secara amanah dan berhemah supaya tidak berlaku ketirisan. Maka itu, wang masjid dapat dibelanjakan untuk menghidupkan dan melaksanakan pelbagai program. Kemenjadian program masjid dengan perbelanjaannya yang didermakan oleh jemaah secara pastinya akan mendorong jemaah untuk terus menyumbang demi kebaikan Islam dan umatnya. Kedapatan juga pihak pengurusan lebih berminat menyimpan wang masjid dan takut untuk membelanjakannya bagi tujuan pengimarahannya. Mereka berasa lebih senang melihat wang masjid bertambah di dalam akaun bank, sedangkan masjid terus sepi daripada program yang bermanfaat.

Masjid sebagai syiar akan terzahir sekiranya kebersihan, keceriaan dan penyelenggaraannya diurus dengan cekap secara berterusan. Realiti yang biasa kita saksikan, ada masjid yang tahap kebersihannya mengecewakan. Ziarahlah ke tandas dan kawasan wuduknya, pelbagai keadaan dapat disaksikan. Lantai tandas dibiarkan bertakung dengan air, dan semakin teruk keadaannya apabila jemaah bertambah ramai. Sedangkan banyak cara yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah ini, seperti mengupah tukang cuci untuk membersihkannya. Jika kurang kemampuan untuk mengupah pekerja, ambil



Masjid Bandaraya Kota Kinabalu boleh dicontohi keberkesanan pengurusan dan pelbagai program pengimarahannya seperti madrasah, kelas al-Quran untuk anak autisme, sedekah mingguan Jumaat, aktiviti perniagaan, program pelancongan, kuliah dan ceramah, dan sambutan perayaan Islam.

langkah secara sukarela dengan menganjurkan program gotong-royong secara berkala. Hal ini dapat meningkatkan kesedaran jemaah supaya bertanggungjawab menjaga kebersihan masjid.

Keceriaan masjid sama ada dalaman atau luaran perlu dititikberatkan supaya tidak berlaku rumput dibiarkan tumbuh tanpa diurus dengan baik. Alangkah indahnya mata memandang jika rumput dipotong secara berjadual, landskap ditanam dengan pokok dan bunga. Subhanallah, indahnya mata memandang dan sekali gus dapat meningkatkan syiar masjid sebagai institusi yang penting. Landskap masjid yang tidak diselenggarakan dengan kemas dan baik akan memburukkan imej masjid dan umat Islam. Keceriaan masjid juga nampak tercemar apabila dinding masjid sama ada di bahagian dalam atau luar tidak dibersihkan, apatah lagi dilekatkan dengan pelbagai notis atau maklumat secara tidak teratur. Malah, ada juga notis yang dipaparkan sudah luput tarikh atau tidak bersifat semasa.

Selain itu, penyelenggaraan yang baik dan berkesan dalam hal mengurus aset dan peralatan masjid perlu dibudayakan oleh pihak pengurusan dan jemaah. Sekiranya ada kerosakan hendaklah dibaiki dengan segera, bukannya dibiarkan berbulan-bulan, malah ada yang bertahun-tahun dalam keadaan rosak dan tidak berfungsi dengan sempurna.

Maklumat yang ditulis ini sekadar menyebut beberapa contoh realiti yang berlaku dan disaksikan oleh sesiapa sahaja. Hal ini membuktikan bahawa masih banyak ruang yang boleh dibaiki untuk memastikan masjid dapat berperanan dengan baik. Untuk memastikan integriti

pengurusan ini dihayati sepenuhnya, maka takwa perlu dijadikan asas pengurusan masjid, malah menjadi asas kepada integriti. Oleh sebab itu, Islam meletakkan takwa ini dalam agenda pembinaan masjid seperti yang diungkapkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud, "Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid (Quba yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan atas dasar takwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (menyucikan) dirinya; dan Allah mengasihi orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)." (*Surah al-Tawbah* 9:108).

Mengambil iktibar daripada firman Allah SWT ini, sifat takwa hendaklah dijadikan asas sedari awal perancangan dan pembinaan sesebuah masjid, dan secara berterusan dibudayakan dalam pengurusan masjid. Jika hal ini direalisasikan, sudah pasti masjid akan diuruskan dengan penuh rasa sedar dan amanah. Semua pihak akan bertanggungjawab dengan masjid dan berusaha untuk memelihara kesucian masjid, serta bersama-sama melakukan inisiatif dan tindakan supaya masjid berfungsi seperti yang diamanahkan oleh Allah SWT dan ditunjukkan oleh Rasulullah SAW secara amalnya.

Secara rumusnya, masjid perlu diurus dengan cekap dan berkesan serta berintegriti. Integriti yang diasaskan pada sifat takwa akan menimbulkan kesedaran dan keinsafan bahawa amanah Allah SWT perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan bersungguh-sungguh supaya mencapai reda-Nya di dunia dan di akhirat. **DTI**